

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

TAHUN 2025

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak

1103/1(PP)

Skema Pemarkahan
Bahagian A
(30 markah)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30	● Karangan menepati tema bahan rangsangan. ● Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.
	28 – 30	● Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)
	26 – 27	● Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25	● Karangan menepati tema bahan rangsangan. ● Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas.
	23 – 25	● Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.
	20 – 22	● Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.

[Lihat halaman sebelah

Memuaskan	15 – 19 17 – 19 15 – 16	• Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. • Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. • Huraian masih jelas.
Penguasaan Minimum	10 – 14 12 – 14 10 – 11	• Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	01 – 09 06 – 09 01 – 05	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 140 perkataan, **maksimum Memuaskan**
 - b. Melebihi 210 perkataan – **tidak layak Cemerlang**
3. Perkara yang dikira sebagai 1 perkataan :
 - a. Alamat penuh
 - b. Tarikh
 - c. Tajuk/perkara surat
 - d. Tandatangan dan nama pengirim
4. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

 = Kesalahan tanda baca

BAHAGIAN A
(30 *markah*)

1 . Format penulisan komen :

T - menepati tema

I - relevan, huraian jelas

B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas P - sangat menarik dan berkesan

2. Kehendak / tugas soal:

i. Calon dikehendaki menghuraikan kepentingan / faedah / manfaat sungai iaitu:

- Menjadi sumber pendapatan kepada masyarakat/ nelayan
- Menjadi tempat tumpuan aktiviti rekreasi / riadah

ii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.

iii Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan kepentingan / faedah / manfaat sungai diterima dan disemak seperti biasa.

iv Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat KEPUJIAN.

v Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat KEPUJIAN.

vi Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat MEMUASKAN.

Bahagian B
(70 markah)
Kriteria pemarkahan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70	• • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugas.
	68 – 70	• Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.
	64 – 67	• Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

[Lihat halaman sebelah

Kepujian	55 – 63 59 – 63 55 – 58	● Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. ● Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ● Ejaan dan tanda baca betul. ● Laras bahasa sesuai dengan tugas. ● Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ● Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. ● Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. ● Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. ● Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. ● Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
Baik	45 – 54 50 – 54 45 – 49	● Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. ● Penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ● Penggunaan kosa kata umum. ● Laras bahasa sesuai mengikut tugas. ● Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. ● Wacana masih lengkap. ● Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. ● Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.

[Lihat halaman sebelah



Memuaskan	35 – 44 40 – 44 35 – 39	● Penggunaan pelbagai jenis kata terhadap. ● Ayat kurang gramatis. ● Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ● Laras bahasa kurang sesuai. ● Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. ● Wacana masih / kurang lengkap. ● Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. ● Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
Penguasaan Minimum	21 – 34 28 – 34 21 – 27	● Penggunaan kata kurang tepat. ● Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. ● Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ● Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ● Pengolahan tidak menarik. ● Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. ● Unsur bahasa tidak bervariasi. ● Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	01 – 20 11 – 20 01 – 10	● Keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ● Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ● idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ● Pengolahan tidak menarik. ● Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. ● Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah

[Lihat halaman sebelah

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 340 perkataan, **maksimum Baik**
 - b. Melebihi 510 perkataan – **tidak layak Cemerlang**
3. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan.
4. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

 = Kesalahan tanda baca

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B

(70 markah)

1.

Negara kita kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional seperti congkak, gasing, galah panjang, batu seremban, teng-teng, tarik upih dan konda-konde diamalkan masyarakat dahulu sebagai pengisi masa lapang. Sayangnya permainan tradisional semakin dilupakan kerana perkembangan pesat aplikasi permainan secara maya. Dalam usaha mengekalkan tradisi rakyat ini, pelbagai pihak perlu mengambil inisiatif agar permainan ini tidak hilang ditelan zaman.

Sumber: Harian Metro

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha pelbagai pihak untuk mempopularkan permainan ini.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki usaha pelbagai pihak untuk mempopularkan permainan tradisional
2. Calon menghuraikan idea-idea yang berkaitan usaha pelbagai pihak

Soalan 2

Budaya buli di institusi berasrama termasuk sekolah, tentera dan polis sering dikaitkan dengan dominasi sosial yang diamalkan oleh golongan senior terhadap junior. Masalah buli memberi kesan negatif kepada mangsa seperti mengalami masalah kemurungan, prestasi akademik mangsa akan terjejas dan kecederaan fizikal yang teruk.

Sumber: hmetro.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kesan-kesan masalah tersebut.

Kehendak/ tugas soal

1. Calon dikehendaki menghuraikan kesan -kesan buli kepada mangsa seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :
 - i. mengalami masalah kemurungan
 - ii. prestasi akademik mangsa akan terjejas dan
 - iii. kecederaan fizikal yang teruk.

Kemungkinan jawapan :

2. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan kesan – terima seperti biasa.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat KEPUJIAN.
4. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat KEPUJIAN.
5. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat BAIK.

[Lihat halaman sebelah

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada suku pertama 2024 telah mencatatkan sebanyak 162 kes melibatkan pergaduhan antara kaum di seluruh negara. Dalam hal ini, penerapan nilai perpaduan sememangnya sangat penting untuk membentuk kerjasama pelbagai bangsa, mengekalkan keharmonian masyarakat serta memajukan ekonomi negara.

Sumber : SinarHarian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan tersebut.

Kehendak / tugas soal:

Calon dikehendaki menghuraikan kepentingan-kepentingan nilai perpaduan iaitu:

- i. membentuk kerjasama pelbagai bangsa
- ii. mengekalkan keharmonian masyarakat
- iii. memajukan ekonomi negara

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan kepentingan – TERIMA SEPERTI BIASA.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat KEPUJIAN.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat KEPUJIAN.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat BAIK.

Soalan 4

KUALA LUMPUR : Ramai graduan hari ini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan bukan kerana kekurangan kelayakan tetapi disebabkan kurangnya persediaan sebelum memasuki alam kerjaya. Menurut kajian Kementerian Sumber Manusia, antara persediaan yang perlu dikuasai oleh graduan ialah kemahiran komunikasi kerana kemahiran ini penting bagi membantu menjalin hubungan positif dengan rakan sekerja dan pelanggan.

Sumber : Bernama.com.my

Huraikan persediaan yang terdapat dalam petikan di atas berserta persediaan - persediaan lain.

Kehendak / tugas soal :

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan persediaan - persediaan sebelum memasuki alam kerjaya – TERIMA SEPERTI BIASA.
 2. Calon menghuraikan idea dalam petikan – maksimum peringkat KEPUJIAN.
 3. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat BAIK
- Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)
 - Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat KEPUJIAN
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT